

AKAUN KERAJAAN PBS DIAUDIT: PM

Oleh Agoes Kholil dan Lichong Angkui

KOTA KINABALU: Kedudukan kewangan dan urusan pentadbiran kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) selama sembilan tahun memerintah Sabah akan diaudit bagi menentukan ia mematuhi undang-undang dan peraturan. kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, pengauditan itu bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil jika didapati berlaku sebarang penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa.

"Kita tidak tahu sama ada kedudukan kewangan dan pentadbiran kewangan Sabah ini betul atau tidak dan kita tidak tahu siapa yang mendapat lesen balak dan sebagainya.

"Oleh itu satu audit akan diadakan untuk menentukan siapa mendapat apa dan kalau ada penyelewengan, tindakan akan diambil.

"Kita nak kembalikan keadaan pentadbiran negeri supaya sempurna, lebih baik dan teratur kerana kekayaan Sabah adalah untuk rakyatnya," katanya berucap pada perhimpunan bersama rakyat di Dewan Perdana Wisma Muis, di sini semalam.

Turut hadir di majlis itu Ketua Menteri, Tan Sri Sakaran Dandai, anggota Kabinet negeri serta pemimpin parti komponen BN Sabah.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN mahu pentadbiran negeri dikemaskinikan supaya program pembangunan untuk rakyat dapat dilaksanakan secara berkesan.

Katanya, ini bertujuan mewujudkan satu bentuk pemerinta-

han yang berorientasikan kepentingan rakyat dan sama sekali berbeza dengan beberapa pemerintahan kerajaan negeri terdahulu.

Beliau menegaskan, tindakan mengaudit akaun pentadbiran kerajaan PBS bukan bermaksud Kerajaan Persekutuan mahu merampas hak rakyat negeri ini, sebaliknya bertujuan membela kepentingan rakyat Sabah.

Menurutnya, Kerajaan Pusat akan mengawasi pentadbiran negeri ini bagi memastikan setiap pemimpin kerajaan melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

"Tujuan kita bukan untuk menghadkan kebebasan Sabah tetapi menentukan Sabah ditadbir dengan baik. Kita tidak mahu cara pentadbiran lama diulangi lagi dan keadaan lama berulang kembali.

"Kita berharap rakyat Sabah sedar bahawa bukan niat Kerajaan Pusat menjajah Sabah dan kita tidak pernah melihat rakyat Sabah sebagai penduduk tanah jajahan Malaysia, sebaliknya sama seperti rakyat Malaysia di negeri lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan menyelia pentadbiran dan menentukan segala wang ringgit kerajaan negeri digunakan untuk rakyat Sabah keseluruhannya tanpa mengira kaum dan anutan agama.

Menurutnya, tidak ada kaum di belakang atau diketepikan kerana bukan niat kerajaan untuk membalas dendam.

"Kita mahu Sabah ditadbir de

LIHAT MUKA 2

Akaun kerajaan BN - 3 APR 1994 PBS diaudit: Mahathir

DARI MUKA 1

ngan adil kepada semua kaum sama ada Bumiputera atau bukan Bumiputera tanpa mengira agama. Semuanya menerima layanan sama dan adil daripada kerajaan negeri.

"Semua kaum diberi tempat dalam kerajaan. Kita tidak akan beri tempat kepada satu kaum.

"Ini dilakukan demi kebaikan rakyat dan negeri, bukan untuk kepentingan peribadi," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam pilihan raya negeri Februari lalu BN memberi alternatif kepada rakyat Sabah untuk membuat perubahan, tetapi sokongan yang diperolehi tidak cukup kerana masih ada rakyat terpengaruh dengan sentimen PBS seperti slogan Sabah untuk orang Sabah, sentimen agama serta nasionalisme Kadazan.

Bagaimanapun, katanya, berikutan sikap dan tindakan beberapa pemimpin PBS menyertai BN yang menyedari pentingnya kemajuan untuk rakyat, kerajaan BN berjaya dibentuk mentadbir negeri.

"Dengan ini, kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan negeri amat penting supaya Kerajaan Pusat boleh melihat, memerhati kerajaan di Sabah. Bukan kerana kita tidak percaya, tetapi kita tidak mahu cara lama diamalkan semula.

"Kerajaan BN yang baru dibentuk ini tidak akan menggunakan kuasa mereka untuk diri mereka, sebaliknya akan menggunakan kuasa untuk kebaikan rakyat Sabah keseluruhannya, untuk membangunkan negeri Sabah supaya setanding atau lebih baik daripada negeri lain.

"Sabah mesti jadi nombor satu. Kerajaan Pusat dan negeri akan bersamasama supaya tidak ada penyelewengan," katanya.